☑ Sinar Harian
☐ Sinar Ahad
Tarikh: 8 MEI 2012
Hal: EKSA MS: 9
Ruangan: NASIONAL



Ismail Sabri (kanan) menyampaikan replika cek Bantuan Kewangan GPS kepada Bendahari Koperasi UUM, Ashari Yakub sambil diperhatikan Naib Canselor UUM, Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, semalam.

Mahasiswa dapat kad diskaun

SINTOK - Seramai 1.4 juta mahasiswa boleh memanfaatkan kad diskaun pelajar yang bakal diperkenal bulan depan bagi mendapatkan pelbagai jenis barang dengan harga diskaun.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kad itu menawarkan diskaun antara 10 hingga 30 peratus.

Menurutnya, ia diberi percuma dan pengagihannya dibuat berperingkat.

"Kad akan diagih kepada penuntut tahun akhir institusi pengajian tinggi (IPT) terlebih dahulu dan diikuti penuntut tahun dua dan satu," katanya selepas merasmikan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Universiti Utara Malaysia (UUM) 2012 di UUM, semalam.

Pada majlis itu, Ismail Sabri turut melancarkan Gerakan Pengguna Siswa (GPS) peringkat Kedah dan Menu Rakyat 1Malaysia UUM.

Ismail Sabri berkata, mahasiswa boleh berbelanja di semua premis dikendali lebih 20 syarikat menjual produk seperti buku, alat tulis, cermin mata serta di restoran makanan segera dan pusat kecantikan dengan harga rendah.

Katanya, setakat ini 17 daripada syarikat berkenaan mengesahkan penyertaan skim kad diskaun itu, manakala perbincangan lain masih dijalankan dengan beberapa syarikat lagi.

"Semua mahasiswa layak menerima kad diskaun itu kecuali penuntut antarabangsa. Mahasiswa yang layak digalak membuka akaun simpanan dengan Bank Rakyat kerana kad dikeluarkan bank itu juga boleh digunakan sebagai kad debit," katanya.